



## SIARAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

### Program Kembali Ke Sekolah Theta Salurkan Bantuan Keperluan Sekolah kepada 200 pelajar di Melaka

*Bantuan Pendidikan Terus Menjadi Fokus dalam Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat*

**MELAKA, 22 Februari 2024** – Bagi meringankan beban pelajar-pelajar yang kurang bernesib baik serta ibu bapa mereka, Theta Edge Berhad ("Theta" atau "Syarikat") dengan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Duyong Melaka telah tampil menghulurkan bantuan melalui penganjuran program kembali ke sekolah 2024 di Melaka yang akan memberi manfaat kepada 200 pelajar sekolah rendah dan menengah daripada golongan B40 bagi sesi persekolahan tahun 2024.

Program Kembali ke Sekolah 2024 ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat dikenali sebagai #thetaCares yang akan menyediakan barang sekolah seperti pakaian seragam dan beg sekolah kepada 200 para pelajar terpilih berdasarkan rekod kategori B40 dan anak yatim mahupun asnaf daripada 9 buah sekolah iaitu SK Duyong, SK (P) Durian Daun, SK Pendidikan Khas Semabok, SK Bukit China, SK Duyong, SK Seri Duyong, SRJK (C) Ping Ming, SRJK (C) Siang Lin dan SRJK (C) Yu Ying.

Pada majlis ini, Theta akan menyumbang kelengkapan barang-barang sekolah yang terdiri daripada kelengkapan pakaian seragam sekolah disertai dengan beg sekolah. Theta juga mengambil peluang ini untuk memperkenalkan e-dompet yang dipanggil SakuPay, di mana baucar bernilai RM100 akan dikreditkan kepada setiap pelajar-pelajar menerusi aplikasi e-dompet SakuPay untuk pembelian pakaian seragam sekolah di kedai-kedai terpilih di Daerah Melaka Tengah. Pelajar-pelajar ini perlu mendaftar dan mempunyai akaun e-dompet SakuPay yang sah bagi menebus bantuan tunai RM100.

"Sokongan kami terhadap komuniti dalam program seperti ini adalah bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa dan kami juga berharap ia akan memberi motivasi dan inspirasi kepada anak-anak untuk melakukan yang terbaik di sekolah. Kami akan meneruskan usaha tanggungjawab sosial dan korporat kami yang memberi tumpuan kepada bantuan berkaitan pendidikan. Sebagai sebuah syarikat yang berteknologi, usaha kami adalah melampaui kedermawaan kami adalah melebihi bantuan kewangan, kerana kami juga berminat untuk menjadi rakan kongsi dan memberi sokongan kepada komuniti setempat untuk mendigitalkan komuniti B40, memupuk minat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) robotik serta kecerdasanbuatan," kata Datuk Nurasrina Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Theta, ketika majlis program Kembali ke Sekolah yang diadakan di Kompleks Japerun Duyong, Melaka.

Yang Berbahagia Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Haleem, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Duyong Melaka berkata "Saya berasa amat gembira dan bangga dengan segala kerjasama serta sumbangan yang telah diberikan oleh pihak Theta Edge Berhad dalam menjayakan Program Kembali ke Sekolah ini. Syukur alhamdulillah, melalui sumbangan ini kita sama-sama dapat membantu meringankan beban ibu bapa. Mungkin di mata kita nilainya nampak kecil, tetapi besar nilainya di mata mereka yang menerima. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada pihak Theta Edge Berhad di atas kesudian berkolaborasi ini dan semoga inisiatif #thetaCares ini akan terus konsisten dalam membantu masyarakat yang memerlukan".

Terdahulu, Syarikat juga telah menganjurkan program mendigitalkan komuniti B40 dengan mengagihkan sebanyak 930 unit komputer kepada sekolah-sekolah and institusi pendidikan tinggi (IPT) di seluruh Malaysia.

**\*TAMAT\***

---

Rosniza Baharum | rosniza@theta-edge.com  
Rashid Ramli | rashid.ramli@theta-edge.com  
Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

#### **Mengenai Theta Edge Berhad**

Theta Edge Berhad ("Theta Edge Berhad") ialah salah satu Perintis Pembekal Perkhidmatan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) Malaysia dengan kehadiran pasaran melebihi daripada 30 tahun. Segmen perniagaan Kumpulan terdiri daripada Komunikasi Maklumat dan Integrasi Teknologi & Sistem, Perkhidmatan Kejuruteraan Telekomunikasi & Kerja Awam, Penyelesaian Mobiliti dan Perkhidmatan Perundingan Infrastruktur Tenaga Hijau & Alam Sekitar.

Di Theta Edge Berhad, kami bukan hanya sebahagian daripada industri—kami sedang berusaha untuk mengubahnya menjadi lebih baik. Pasukan kuat kami yang terdiri daripada lebih 300 profesional yang pakar dalam pelbagai bidang, sentiasa mempelajari perkara baharu untuk bersaing dengan persekitaran teknologi yang pantas.

Untuk butiran lanjut, sila lawati tapak web kami [www.theta-edge.com](http://www.theta-edge.com)